

04/08/2001

Kemudahan kredit kepada Russia RM50 juta

KERAJAAN dijangka memuktamadkan Kemudahan Pembayaran Kredit Minyak Sawit (Pocpa) dengan Russia bernilai RM50 juta September depan pada harga AS\$300 (RM1,140) satu tan.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata kemudahan itu dijangka membabitkan jumlah minyak sawit sebanyak 200,000 tan.

Satu perjanjian memuktamadkan kemudahan itu akan ditandatangani di negara berkenaan sempena lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehingga kini, 14 negara sudah diberi tawaran pinjaman kredit di bawah skim Pocpa yang diwujudkan sejak 1991.

Daripada jumlah itu, lapan negara sudah menggunakan tawaran berkenaan.

Sehingga 31 Mei tahun ini, Kabinet meluluskan sejumlah AS\$445 juta dan setakat ini hanya AS\$231 juta atau 51.9 peratus sudah digunakan, manakala baki iaitu AS\$214 juta atau 48.1 peratus masih belum digunakan.

Sejumlah AS\$98.6 juta atau 22.2 peratus sudah dibayar balik oleh negara penerima setakat ini.

Lim berkata, usaha juga akan dibuat bagi memastikan pasaran bukan tradisi bagi Pocpa akan diperluaskan seperti ke Korea Utara, Sudan selain Russia.

"Kita mahu memperluaskan Pocpa ke negara lain yang bukan pasaran tradisi, khususnya yang sedang menghadapi masalah kewangan," katanya.

Beliau berkata, usaha juga sedang dibuat untuk menjual minyak sterin sawit yang sesuai untuk industri oleokemikal ke Timur Tengah, Eropah Timur, Argentina dan Brazil.

"Kita sudah menghantar pegawai ke negara berkenaan untuk meninjau pasaran dan perkembangan industri berkenaan," katanya.

Mengenai usaha meningkatkan kemasukan minyak sawit ke pasaran yang sukar ditembusi seperti Amerika Syarikat, beliau berkata kerajaan sudah mengenal pasti kaedah baru menangani masalah itu.

Katanya, beliau sudah mengemukakan cadangan supaya menggalakkan syarikat peladangan kelapa sawit Malaysia membeli syarikat atau kilang membuat majerin di luar negara, khususnya di Amerika.

Dengan ini, proses pembuatan majerin yang diamalkan di Malaysia iaitu dengan menggunakan kaedah asid lemak trans akan digunakan untuk pengeluaran di Amerika, misalnya, sekali gus memasarkan produk berkenaan ke negara itu.

(END)